



onal
rlap

Fokus ▾
Mandat ▾

Niaga
BES+

Kes
LIVE

Global
MS

 INFO CUACA



TERKINI

KPKM bersiap awal hadapi impak E

UUM/AA87/BRTM/02.06.2026/P:0(1-7)



Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

Perusahaan mikro, kecil dan sederhana rebut peluang dalam industri halal global

MS

2/06/2026 | 4:12 PM - 183 - PERSPEKTIF



Pensijilan halal merupakan langkah penting dalam menentukan peluang menembusi pasaran halal tempatan dan antarabangsa/GAMBAR JANAAN AI – Penulis

SAUDARA PENGARANG

RINGKASAN BERITA AI

Industri halal meluas meliputi makanan, pelancongan, kewangan, farmaseutikal, kosmetik; permintaan turut datang dr

Pensijilan halal oleh JAKIM dan pengi
langkah utama PKMS menembusi p

PMKS menghadapi kekangan pender
rumit, menuntut latihan, bimbingan t

Kerajaan dan agensi seperti KUSKOP, HD
bantuan pensijilan, pembangunan kapa



Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

Industri halal kini mencatat pertumbuhan kukuh di peringkat global dengan nilai pasaran diunjurkan mencecah kira-kira AS\$5.92 trilion menjelang tahun

nilai pasaran dijangka mencecah kira-kira AS\$5.92 trilion menjelang tahun 2030 yang menggambarkan pertumbuhan tahunan sekitar 10.08 per



Perkembangan positif ini secara tidak langsung memberi perubahan besar dalam corak perdagangan dunia. Selain itu, ia turut memberi impak kepada trend pengguna yang semakin menitikberatkan aspek kebersihan, keselamatan dan jaminan kualiti dalam pemilihan produk dan perkhidmatan.

Produk Halal Dapat Permintaan Tinggi Pengguna Bukan Islam

Industri halal global sedang melalui proses transformasi yang signifikan bermula dengan pasaran makanan dan minuman halal, ia telah berkembang merangkumi ekosistem komprehensif bernilai trilion dolar seperti industri pelancongan halal, sektor kewangan, farmaseutikal dan kosmetik.

DISYORKAN

Jangan abai ancaman senyap kanser kepala dan leher

Perkukuh akuakultur, ikan natif teras strategi keterjaminan makanan

PRN Johor, apa yang kita belajar tentang literasi media pilihan raya

Jejak digital, harapan baharu operasi SAR di rimba

Pasarannya juga semakin berkembang didorong oleh populasi umat Islam dunia dianggarkan sekitar 1.8 hingga 2.18 bilion penduduk dan industri halal semakin disokong oleh penduduk bukan Islam yang mementingkan pengeluaran produk bersih dan pematuhan standard tinggi industri halal.



Secara rekodnya, sektor makanan dan minuman merupakan tunjang kepada industri halal global apabila menerima 17 peratus daripada perbelanjaan global untuk sektor ini. Bidang makanan dan minuman menyumbang kepada nilai pasaran AS\$1.94 trilion m



Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang

Manakala, permintaan untuk sijil halal kesihatan menunjukkan peningkatan pasaran negara-negara Islam dijangka mencecah AS\$555 bilion dengan pertumbuhan pasaran tahunan sebanyak 10.08 per

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

Salah sektor yang juga menunjukkan perkembangan di peringkat global adalah bidang kewangan Islam yang mempunyai nilai pasaran kira-kira

AS\$4.94 bilion pada 2025. Perbankan Islam kekal sebagai peneraju pasaran dengan penguasaan 70 peratus daripada industri.



Sektor pelancongan halal pula diunjur berkembang menjadi pasaran bernilai AS\$384 bilion menjelang tahun 2028, dengan fokus kepada penyediaan kemudahan beribadah, makanan dan minuman halal kepada pelancong dan ekosistem pelancongan yang mesra pelancong Islam.

Satu lagi bidang yang berkembang pesat adalah fesyen mesra Islam dengan nilai pasaran AS\$327 bilion pada 2023 dan diunjur meningkat kepada AS\$433 bilion menjelang 2028. Sektor media dan rekreasi turut dijangka meningkat kepada AS\$337 bilion menjelang 2028 dengan nilai pasaran pada 2023 adalah sekitar AS\$260 bilion.

Pada masa kini, produk halal bukan lagi terhad kepada keperluan pengguna Islam semata-mata tetapi turut mendapat permintaan dalam kalangan pengguna bukan Islam yang mementingkan aspek keselamatan produk. Situasi ini menjadikan industri halal semakin meluas dan diterima sebagai sebahagian daripada arus utama ekonomi global.

Seiring dengan perkembangan tersebut, rantai bekalan industri halal turut berkembang pesat merentasi pelbagai saluran termasuk pasar raya antarabangsa serta platform digital e-dagang rentas sempadan. Selain itu, teknologi digital turut menyumbang kepada peningkatan kesedaran pengguna terhadap sumber bahan dan produk berasaskan halal



Perkembangan ini secara tidak langsung membuka lebih banyak ruang pasaran kepada pengeluar dan usahawan untuk menembusi pasaran luar negara yang lebih kompetitif.

Umumnya, industri halal turut melibak berkaitan rantai bekalan. Kesemua ini membentuk satu ekosistem ekonomi antarabang

**Breaking News:**
Insiden penting sedang berlaku
Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?
Ya, aktifkan **Tidak sekarang**

Di Malaysia, industri halal terus mencanai sebagai peneraju pasaran halal kekal sebagai antara penyumbang penting kepada ekonomi negara. Nilai pasaran halal Malaysia yang meningkat mencerminkan potensi pertumbuhan serta keupayaan negara mengekalkan daya saing dalam industri ini.

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

Dari sudut perdagangan, ekspert halal Malaysia turut menunjukkan

Dari sudut perdagangan, eksport halal Malaysia tarat menjangkakan peningkatan ketara daripada RM30 bilion pada tahun 2020 kepada bilion pada 2024. Peningkatan ini membuktikan penerimaan semaki terhadap produk halal Malaysia di pasaran antarabangsa.



Sektor makanan dan minuman kekal sebagai penyumbang utama eksport halal negara, diikuti sektor bahan halal yang semakin penting dalam menyokong keseluruhan rantai industri. Kedua-dua sektor ini terus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai antara pemain utama industri halal global bukan sahaja dari sudut standard pensijilan halal.

Penyertaan Sektor PMKS Dalam Pasaran Halal Masih Boleh Dipertingkat

Dari perspektif yang lebih kritikal, walaupun potensi pasaran halal mencecah nilai trilion ringgit, penyertaan dalam kalangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan masih belum mencapai tahap optimum.

Antara faktor berlakunya hal ini adalah kekurangan pendedahan terhadap proses permohonan sijil halal, kekeliruan sewaktu proses permohonan serta tanggapan bahawa pensijilan halal adalah rumit dan membebankan. Faktor-faktor ini mengekang hasrat usahawan untuk menceburi industri halal dan seterusnya membataskan peluang mereka dalam pasaran halal yang sedang berkembang pesat.

Selari dengan hasrat kerajaan memperkukuh industri halal, pelbagai inisiatif diperkenalkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dengan peruntukan sebanyak RM28.8 juta. Fokus diberikan kepada pembangunan usahawan, inovasi produk serta perluasan akses pasaran halal bagi meneruskan penguasaan Malaysia sebagai salah satu negara penarik dalam industri halal antarabangsa.

Dalam masa sama, pelbagai program diperkenalkan untuk memperkukuh ekosistem halal negara. Antaralain, program pembangunan kapasiti usahawan, program inovasi dan teknologi halal, serta program penaantaraan usahawan halal. Pendekatan ini bertujuan meningkatkan kualiti produk halal, memenuhi standard halal secara lebih sistematik dan berdaya saing.

Pelaksanaan inisiatif ini turut disokong oleh agensi seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Halal Development



Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

Corporation (HDC) serta SME Corp Malaysia yang menyediakan latihan, bimbingan teknikal dan akses kepada pelbagai skim pembiayaan s  MS sokongan pembangunan usahawan.

Kerjasama anantara agensi ini memperkukuh ekosistem halal negara dengan memberi tumpuan bukan sahaja kepada akses pasaran tetapi juga kepada peningkatan kapasiti dan daya saing usahawan dalam mematuhi standard pensijilan halal secara berterusan.

Pensijilan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan pihak tadbir urus halal negeri sama ada jabatan mahupun majlis agama Islam negeri kekal sebagai rujukan utama yang sah dan diiktiraf.

Proses permohonan halal kini disusun dengan secara lebih sistematik bagi memastikan pemohon dapat memahami keperluan serta mematuhi standard yang ditetapkan. Dalam usaha menggalakkan penyertaan lebih luas, struktur yuran pensijilan turut ditetapkan secara berperingkat mengikut kategori perniagaan.

Perusahaan mikro dikenakan sekitar RM100 setahun, diikuti perusahaan kecil RM400, perusahaan sederhana RM700 dan syarikat besar sekitar RM1,000 setahun. Pendekatan ini bertujuan memastikan keterangkuman dalam ekosistem halal tanpa membebankan pemain industri kecil.

Secara keseluruhannya, industri halal kini telah menjadi sebahagi  dalam struktur ekonomi global yang semakin saling bergantung. Ia menghubungkan pengeluar, pengguna dan pasaran merentasi sempadan dalam satu rangkaian nilai yang terus berkembang.

Oleh itu, pemegang pensijilan halal d yang lebih luas bukan sahaja dalam produk yang lebih berkualiti dan diya merupakan langkah pertama penting tempatan menembusi pasaran halal



Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang

Dengan sokongan dasar kerajaan, penin peluang pasaran yang semakin luas, industri halal dijangka kekal sebaga antara pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara selari dengan pertumbuhan populasi Islam dunia yang melepasi 2 bilion pada 2023 atau bersamaan 25 peratus daripada jumlah keseluruhan populasi

Bersamaan 20 peratus daripada jumlah keseluruhan populas.

Permintaan tinggi terhadap barangan, perkhidmatan digital dan pe  **MS**
berasaskan budaya dijangka meningkat menjelang 2030 apabila komposisi generasi muda Islam global mencecah lebih 540 juta orang.

Dalam landskap persaingan semakin sengit, keupayaan usahawan untuk memahami proses, mematuhi standard dan mendapatkan pensijilan halal akan menjadi faktor penentu dalam merebut peluang di pasaran halal dunia yang terus berkembang pesat.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Dr. Siti Syuhadah Mohamad
Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Kerajaan
Universiti Utara Malaysia
E-mel: syuhadah@uum.edu.my



**TVET halal: Sudah bersediakah Mala
melahirkan bakat industri halal mas**




Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang

ARTIKEL TAJAAN



Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.